

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini perlaksanaan komitmen Kerajaan untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan bergaji tinggi untuk anak-anak Sabah dan Sarawak sepetimana yang termaktub di dalam Buku Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak berusaha untuk memastikan peluang kerjaya yang bergaji tinggi dapat disediakan kepada penduduk khususnya di Sarawak dengan mendapatkan penglibatan syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan bertaraf profesional dan berkemahiran tinggi sekaligus menawarkan gaji yang lumayan kepada pencari kerja dalam setiap penganjuran Program Karnival Kerjaya. Walaubagaimanapun, Penawaran gaji pemulaan yang ditawarkan oleh pihak majikan adalah atas budi bicara majikan, ia juga bergantung kepada pengalaman dan skil yang dimiliki oleh seseorang pencari kerja. Dalam hal ini, gaji yang ditawarkan oleh majikan ketika program-program anjuran JTK Sarawak seperti program karnival kerjaya atau temuduga terbuka adalah mematuhi Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018.

SOALAN NO : 15

2. Sehingga September 2019, JTK Sarawak berjaya;
 - I. Mengumpulkan lebih 14,000 kekosongan jawatan melalui penganjuran dua belas (12) Program Karnival Kerjaya dan temu duga terbuka majikan yang dijalankan hampir setiap hari di setiap Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sarawak sepanjang tahun 2019.
 - II. Sejumlah 3,149 kekosongan jawatan daripada jumlah tersebut adalah bertaraf profesional serta berkemahiran tinggi yang menawarkan gaji yang setimpal.
 - III. Jumlah kekosongan tersebut membabitkan kategori pekerjaan seperti penggubal undang-undang, pegawai kanan, pengurus, juruteknik dan professional bersekutu dan sebagainya.
3. Pada masa yang sama, JTK Sarawak berusaha untuk memastikan;
 - I. Pencari kerja terutamanya graduan lepasan universiti/institusi pendidikan tinggi atau berkemahiran tinggi untuk mendapatkan informasi berkaitan peluang-peluang latihan yang disediakan oleh jabatan atau agensi kerajaan yang menyediakan kemudahan latihan dan sebagainya.
 - II. Program ceramah kerjaya senantiasa diadakan sebagai salah satu usaha pencari kerja untuk bersiap sedia dalam menempuh bidang pekerjaan.
 - III. Setiap pencari kerja adalah digalakkan untuk mendaftar dalam portal JobsMalaysia 2.0 supaya tidak terlepas peluang pekerjaan atas talian yang bersesuaian serta menawarkan gaji yang lumayan.

SOALAN NO : 15

4. Semua carian pekerjaan melalui portal JobsMalaysia adalah percuma dan terbuka kepada semua lapisan umur pencari kerja. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak akan sentiasa dan terus merancang serta melaksanakan program-program untuk membantu anak tempatan di Sarawak untuk mendapatkan pekerjaan agar dapat membantu meningkatkan ekonomi diri, keluarga secara khususnya dan Negara secara amnya sekaligus menurunkan kadar pengangguran di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pada tahun 2018, negeri Sabah mencatatkan bilangan penganggur seramai 112,100 orang atau 5.8 peratus. Sehubungan itu, Jabatan Tenaga Kerja Sabah sangat komited untuk membantu para pencari kerja mendapatkan pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran di negeri Sabah.

6. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Sabah sentiasa mencari peluang-peluang pekerjaan khususnya di sektor swasta untuk dibawakan kepada pencari kerja samada dikawasan bandar mahupun di kawasan pendalam. Beberapa langkah telah diambil untuk membantu pencari kerja khususnya di kawasan luar bandar serta pendalam seperti berikut;

i) Jabatan Tenaga Kerja Sabah telah menjadualkan beberapa siri Karnival Pekerjaan seluruh negeri Sabah di beberapa lokasi terpilih bagi tahun 2019. Beberapa karnival pekerjaan telah diadakan di beberapa daerah iaitu daerah Kota Belud (2 Mac 2019), Tenom (9 Mac 2019), Beaufort (6 April 2019), Ranau (13 April 2019), Kudat (20 April 2019), Kunak (21 April 2019), Kinabatangan (27 April 2019) dan Sipitang (29 April 2019). Sepanjang program ini dijalankan, Seramai 2,995 pencari kerja telah menerima tawaran pekerjaan daripada pihak majikan. Pada 9 Mei 2019, Karnival Pameran dan Kerjaya Peringkat Daerah Sandakan anjuran bersama Jabatan

SOALAN NO : 15

Pembangunan Sumber Manusia Sabah telah diadakan dan berjaya menempatkan peluang pekerjaan seramai 96 orang.

- ii) Jabatan Tenaga Kerja Sabah telah bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Sabah untuk mengadakan Program Kembara Kerjaya Sabah 2019 yang menjelajah ke enam buah daerah di negeri Sabah. Program ini telah berlangsung dari 25 hingga 30 Mac 2019 melibatkan enam daerah iaitu Bandaraya Kota Kinabalu, Keningau, Tawau, Semporna, Lahad Datu dan Sandakan. Program ini telah berjaya menempatkan seramai 4,042 pencari kerja.
- iii) Pada suku ketiga 2019, Jabatan Tenaga Kerja Sabah telah mengadakan Karnival Pekerjaan sempena Kembara Kerjaya Siri 2 Tahun 2019. Program ini telah dan akan diadakan pada 19 - 23 Ogos 2019 yang melibatkan Bandaraya Kota Kinabalu, Kudat, Kota Marudu, Ranau dan Keningau serta di Lahad Datu (21 September 2019). Karnival Pekerjaan juga akan diadakan di Beaufort (28 September 2019) dan Semporna (19 Oktober 2019). Beberapa program outreach bertujuan mendekati masyarakat dan pencari kerja di luar bandar juga akan dijalankan oleh JTK Sabah seperti Program Outreach di Pulau Banggi, Kudat pada 29-30 Ogos 2019 dan Program Outreach di Merotai, Tawau pada 7 Oktober 2019 serta Program Outreach di Pulau Jambongan, Beluran, Sandakan. Sejumlah 11,921 penempatan telah berjaya diadakan bagi tempoh Januari hingga September 2019. Selain itu JTK Sabah juga menjalankan kerjasama strategik dengan kerajaan negeri Sabah melalui Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Sabah dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- iv) Jabatan Tenaga Kerja Sabah juga telah mengambil inisiatif mengadakan sesi libat urus bersama **Sabah Employers Association** dan beberapa pihak industri untuk mendapat maklumat awal kekosongan jawatan yang boleh ditawarkan kepada pencari

SOALAN NO : 15

kerja untuk disalurkan di dalam setiap program jabatan seperti Karnival Pekerjaan;

- v) Di samping itu juga sesi libat urus telah diadakan dengan pihak **Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)** untuk berkongsi maklumat berkaitan pelaburan-pelaburan baru di Sabah yang akan mewujudkan peluang pekerjaan yang boleh ditawarkan kepada pencari kerja di Sabah ini khususnya golongan siswazah; dan
- vi) Pihak Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Sabah juga mengadakan perbincangan yang berterusan dengan *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Cawangan Sabah supaya mana-mana majikan baru yang ingin membuat pelaburan dan membuka industri di Sabah memperbanyakkan kewujudan jawatan bagi golongan siswazah dan berkemahiran dan perlu memberi keutamaan kepada rakyat tempatan untuk mengisi jawatan-jawatan ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Dalam usaha memberi peluang pekerjaan kepada pencari kerja di negeri Sabah, Kerajaan Negeri juga telah menekankan supaya para pelabur dan para majikan harus menggiatkan pelaburan yang akan mewujudkan banyak peluang-peluang pekerjaan dalam skala yang lebih besar di semua sektor/industri di seluruh negeri Sabah. Diharap dengan pembukaan sektor/industri yang berorientasikan perkhidmatan profesional, perkilangan, minyak dan gas serta lain-lain industri akan dapat membantu mewujudkan peluang kerjaya / pekerjaan baru kepada golongan pencari kerja di negeri Sabah. Usaha Kerajaan Negeri ini juga dilihat untuk menarik pelaburan yang boleh memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Limpahan pelaburan dalam perniagaan peruncitan dan industri perhotelan telah membantu memberi peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

SOALAN NO : 15

8. Jabatan Ketua Menteri (JKM) Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Program Kesedaran Potensi Kerjaya Dalam Industri Minyak Dan Gas di Sabah yang mana pelancarannya akan dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Hj. Apdal, Ketua Menteri Sabah pada 19 Oktober 2019 di Semporna, Sabah. Jawatankuasa tersebut turut dianggotai oleh Jabatan Tenaga Kerja Sabah bagi membantu pencari kerja menceburi industri minyak dan gas di Sabah secara aktif dan meluas. Para pengusaha minyak dan gas ini akan dilibatkan dalam semua Karnival Pekerjaan yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sabah.